

Tunku lahirkan penghargaan kepada jasa2 tentera

KUALA LUMPUR, Khamis — Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Alhaj, melahirkan penghargaannya terhadap perjuangan dan jasa-jasa anggota-anggota tentera dalam menjaga keselamatan negara sejak 50 tahun lalu.

Menurut Tunku, perayaan Jubli Emas, Angkatan Tentera Malaysia, yang disambut esok, haruslah disertai oleh semua rakyat, kerana keselamatan dan kedaulatan negara bukan hanya terletak di bahu anggota tentera tetapi memerlukan kerjasama dari rakyat.

"Dalam usia yang matang ini, angkatan tentera kita sudah banyak mengharungi peristiwa yang mencemaskan, antaranya, ialah ketika zaman darurat, konfrantasi dengan Indonesia dan peristiwa hitam 13 Mei, 1969," jelas Tunku ketika ditemui, di sini, hari ini selepas menerima kunjungan rombongan Tentera Nasional Indonesia, diketuai oleh Panglima Angkatan Bersenjata Republik Indonesia, Tan Sri Jeneral L. B. Moerdani.

Katanya, ketika darurat lewat tahun 1940-an dan 50-an, anggota-anggota tentera kita terpaksa mempertahankan negara dari ancaman komunis yang ingin bermaharaja lela.

"Ketika itu negara kita belum mencapai kemerdekaan dan masih dijajah oleh British. Ramai anggota tentera dan Polis kita terkorban di tangan komunis. Apabila merdeka pada 1957, komunis masih juga mengancam, tetapi berkat ketabahan anggota tentera kita menentang mereka, keadaan dapat dipulihkan pada 1959," ujarnya.

Bagaimanapun, empat tahun kemudian, cerita

Tunku lagi, konfrantasi meletus apabila tentera Indonesia melancarkan serang hendap di waktu malam ke atas pangkalan pasukan keselamatan di Kalabakan, Tawau, Sabah.

Dalam kejadian itu, katanya, tujuh anggota pasukan keselamatan kita terbunuh, dan 19 lagi cedera.

"Tetapi apa yang saya kagumkan ialah, kecekalan pasukan kita yang enggan menyerah kalah walaupun diperintahkan berbuat begitu oleh musuh. Walaupun ramai yang cedera, namun mereka terus bertahan sehingga bantuan tiba," jelasnya.

Cedera

Sebagai mengenangkan jasa-jasa perajurit yang malang itu, tambah Tunku, beliau mengarahkan supaya didirikan sebuah tugu di tempat serang hendap itu setelah tamat konfrantasi pada 1965. Sehingga kini tugu itu masih megah berdiri di Kalabakan.

Sebelum ini, rombongan Panglima Tentera Indonesia itu juga berkunjung ke pejabat Timbalan Perdana Menteri untuk bertemu dengan Datuk Musa Hitam.

Sementara itu, rombongan Tan Sri Jeneral L. B. Moerdani dan isterinya, Puan Sri Hartini, mengunjungi Tun Hajah Rahah di kediamannya. Pertemuan setengah jam itu berjalan dalam suasana mesra.

Menurut Puan Sri Hartini, Tun Hajah Rahah adalah kenalan lamanya dan inilah kali pertama bertemu sejak kali terakhir berkunjung pada 1976 lalu.